

MAHATHIR ADA 'RAHSIA BESAR'

Oleh AMIR RAMADZAN

KUALALUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad tidak mengkritik Abdullah Badawi dengan tangan kosong, apa lagi hanya bercakap ikut sedap mulut, sebaliknya beliau disokong bukti-bukti yang kukuh dan sah yang masih bersifat rahsia.

"Dr Mahathir ada rahsia besar," demikian ujar sumber rapat dengan Mahathir, di mana rahsia itu menurutnya merupakan peluru terakhir akan digunakan bekas Presiden Umno itu untuk memastikan Abdullah memenuhi beberapa 'tuntutan' beliau.

Tanpa menyebut dengan jelas apakah rahsia besar itu, sumber berkenaan mengatakan ia adalah berkaitan dengan dokumen kontrak berhubung pembinaan jambatan bengkok bagi menggantikan Tambak Johor yang telah dibatalkan baru-baru ini.

Dokumen itu difahamkan diperolehi Mahathir daripada pihak di Singapura.

Dokumen itu yang disifatkan sebagai rahsia besar kini sudah pun berada di dalam genggaman Mahathir dan beliau akan mendedahkan apabila keadaannya sudah mengizinkan bila tiba masanya.

BERSAMBUNG KE MUKA 2



>> DARI MUKA 1

"TUN akan mendedahkan bila tiba masanya, itu pun jika desakan secara diplomasi beliau kepada kerajaan (Abdullah) bagi menjelaskan berhubung beberapa perkara dibangkitkan tetapi tidak dipenuhi oleh Abdullah," kata sumber berkenaan.

Ditanya apakah dokumen itu tidak termasuk dokumen yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA), sumber berkenaan menjelaskan ia adalah menjadi rahsia di negara Singapura tetapi ia tidak berlaku di negara ini.

"Apa nak dirisaukan, sumber (dokumen itu) adalah untuk kepentingan negara serta rakyat dan bukannya untuk menyusahkan atau mengugut sesiapa," tambah sumber itu lagi.

Disoal bagaimana ianya diperolehi, sumber rapat itu enggan menjelas lanjut cuma menyebut; "Dr Mahathir mempunyai hubungan dengan ramai orang termasuk diplomatik, beliau boleh mendapatkan apa saja yang diinginkan."

Mahathir sebelum ini mengkritik keras kepimpinan Abdullah sambil menuntut beberapa penjelasan di antaranya berhubung pemberian AP (*Approve Permit*) penjualan syarikat

motosikal MV Agusta dengan 1 Euro dan pemberhentian projek jambatan bengkok.

Walaupun beberapa isu berkaitan telah dijelaskan namun ia tidak memuaskan hati bekas Perdana Menteri itu sehingga suatu masa beliau berang sampai menuduh seorang menteri kabinet berbohong.

Mahathir dalam membela dirinya berhubung tindakan itu dengan mengatakan behau mempunyai hak untuk bersuara.

Katanya; "jika saya tegur, saya rasa saya ada hak untuk tegur. Masa ini saya menyokong kerajaan tetapi jika mereka melakukan apa yang saya lihat sebagai kesilapan dan tidak ada sesiapa yang mampu membantah maka saya perlu menyuarakan pendapat."

Kenyataan tegas itu ditafsirkan umum sebagai Mahathir tidak akan teragak-agak untuk melakukan serangan dan kritikan yang boleh menyusahkan kedudukan Abdullah sebagai Perdana Menteri.

Pemerhati berpendapat 'rahsia besar' itu dikatakan senjata akhir bekas Perdana Menteri itu untuk mengganggu pentadbiran Abdullah.